



قِبَابَة سِيَّاْسَهَا كِرَاجَانِ نَكْرِي كِلَنْتَن
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 609-7481957
Fax : 609-7443164
609-7436000
E-mail : bhgkp@kelantan.gov.my
TSUK (Pengurusan) : 609-7485566
KPSU : 609-7484376

Ruj. Kami : SUK.D200(01) 15/1/1 Jld 3 (65)

Bertarikh : 28 Muharram 1441H bersamaan
28 September 2019M

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri / Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Swasta / NGO

SEGERA

YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan,

ARAHAN UNTUK MEMBERHENTIKAN SEGALA BENTUK PERMAINAN HIBURAN DAN SUKAN BERIKUTAN DENGAN KEMANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN ISMAIL PETRA IBNI ALMARHUM SULTAN YAHYA PETRA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra**, yang amat dikasihi telah mangkat pada hari Sabtu, 28 Muharram 1441H bersamaan 28 September 2019M.

3. Sehubungan dengan itu, sebagai tanda penghormatan kepada Almarhum Baginda, YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan diminta untuk **Memberhentikan Segala Bentuk Permainan Hiburan Dan Sukan** selama **3 hari (siang dan malam)** bermula daripada tarikh kemangkatan iaitu hari **Sabtu, 28 Muharram 1441H bersamaan 28 September 2019M** sehingga **hari Isnin, 01 Safar 1441H bersamaan 30 September 2019M**. Manakala permainan-permainan di pentas secara sambilan-sambilan, pertunjukan-pertunjukan untuk derma dan permainan-permainan sukan hendaklah **JANGAN DILANGSUNGKAN** sehingga luput **40 hari** dikira daripada hari kemangkatan.

4. Segala usaha serta kerjasama pihak YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dialu-alukan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

~ RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERIKAT~

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN TENGKU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

KELANTAN



s.k

YB Dato'-Kenyataan Setiausaha Kerajaan Kelantan "BERJAYA PERUBAHAN"